



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 16

19hb April 2023

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 17.

AKTA BINATANG 1953

**PERINTAH KAWASAN KAWALAN PENYAKIT *AFRICAN SWINE FEVER*
(NEGERI SELANGOR) 2023**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 [Akta 647], Menteri Besar Selangor membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawasan Kawalan Penyakit *African Swine Fever* (Negeri Selangor) 2023**.

(2) Perintah ini hendaklah terpakai bagi seluruh Negeri Selangor dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Binatang 1953 [Akta 647];

“binatang” ertinya babi daripada apa-apa umur, jantina, baka dan generasi;

“negeri” ertinya Negeri Selangor;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor;

“penyakit” ertinya penyakit *African Swine Fever*; dan

“Pihak Berkuasa Veterinar” ertinya mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Pengarah Negeri di bawah seksyen 3 Akta.

Kawasan Kawalan penyakit *African Swine Fever*

3. Negeri Selangor adalah diisytiharkan menjadi Kawasan Kawalan Penyakit *African Swine Fever*.

Larangan pemindahan atau penyembelihan

4. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kebenaran bertulis oleh Pengarah Negeri dan di bawah pengawasan Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar—

- (a) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang atau karkas yang disyaki atau disahkan telah dijangkiti penyakit keluar dari negeri;
- (b) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang atau karkas ke dalam negeri;
- (c) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang atau karkas yang disyaki atau disahkan telah dijangkiti penyakit dari satu kawasan ke kawasan yang lain di dalam negeri;
- (d) menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang yang disyaki atau disahkan telah dijangkiti penyakit di dalam negeri; dan
- (e) memiliki, menjual atau mempamerkan untuk dijual apa-apa karkas atau mana-mana bahagian binatang yang tidak disembelih di rumah sembelih yang dibenarkan atau dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

(2) Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar boleh menetapkan apa-apa syarat dalam kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1).

(3) Apa-apa syarat yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1), jika ada, hendaklah dipatuhi oleh mana-mana orang yang memindahkan atau menyembelih binatang itu.

Arahan penyerahan binatang atau karkas

5. Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar boleh pada bila-bila masa dan dengan cara yang ditentukan, mengarahkan mana-mana orang untuk menyerahkan apa-apa binatang atau karkas dalam kawasan kawalan penyakit atau diambil apa-apa bahan daripada binatang atau karkas untuk tujuan pemeriksaan, ujian, kajian atau untuk apa-apa tujuan dan tindakan yang difikirkan perlu untuk mengawal penyakit.

Larangan penyimpanan untuk pembiakan

6. Tiada seorang pun boleh menyimpan atau menyebabkan disimpan dengan tujuan pembiakan apa-apa binatang atau karkas yang disahkan dijangkiti penyakit.

Pematuhan Perintah

7. Mana-mana orang tanpa alasan yang munasabah enggan mematuhi atau gagal melaksanakan apa-apa larangan, perintah, arahan ataupun kehendak di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Dibuat 5 April 2023

[JPV.SEL/BR/800/5/11 (31); P.U. Sel. (ADV) PS 05/3/17]

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Menteri Besar
Selangor

ANIMALS ACT 1953**AFRICAN SWINE FEVER DISEASE CONTROL AREA
(STATE OF SELANGOR) ORDER 2023**

IN exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Animals Act 1953 [*Act 647*], the Menteri Besar of Selangor makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **African Swine Fever Disease Control Area (State of Selangor) Order 2023**.

(2) This Order shall apply throughout the State of Selangor and shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Animals Act 1953 [*Act 647*];

“animal” means pig from any age, sex, breed and generation;

“state” means State of Selangor;

“State Director” means the State Director of Veterinary Services of Selangor;

“disease” means the disease of African Swine Fever; and

“Veterinary Authority” means any person appointed in writing by the State Director under section 3 of the Act.

African Swine Fever Disease control area

3. The State of Selangor is declared as to be an area of African Swine Fever Disease Control Area.

Prohibition of movement or slaughtering

4. (1) No person shall, except with the written permission of the State Director and under supervision of the State Director or Veterinary Authority—

- (a) remove or cause to be removed any animal or carcass which has been suspected or confirmed to be infected with disease out of the state;
- (b) remove or cause to be removed any animal or carcass into the state;
- (c) remove or cause to be removed any animal or carcass which has been suspected or confirmed to be infected with disease from one area to another in the state;
- (d) slaughter or caused to be slaughtered any animal which has been suspected or confirmed to be infected with disease in the state; and
- (e) possess, sell or display for sale any carcass or any part of animal which has not been slaughtered in an abattoir which is licensed or permitted under any law in force.

(2) The State Director or Veterinary Authority may prescribe any condition in the written permission issued under subparagraph (1).

(3) Any condition issued under subparagraph (1), if any, shall be complied by any person who move or slaughter the animal.

Instruction to submit animal or carcass

5. The State Director or Veterinary Authority may at any time and in such manner as specified, to instruct any person to submit any animal or carcass within the control area or to be taken any substance from such animal or carcass for the purpose of examination, testing, studying or for the purpose and action deemed necessary to control the disease.

Prohibition of keeping for breeding

6. No person shall keep or cause to be kept for the purpose of breeding any animal or carcass which has been confirmed to be infected with the disease.

Obedience of Order

7. Any person without reasonable excuse refuses to comply or fails to carry out any prohibition, order, instruction or requirement under this Order commits an offence.

Made 5 April 2023

[JPV.SEL/BR/800/5/11 (31); P.U. Sel. (ADV) PS 05/3/17]

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
*Menteri Besar of
Selangor*

Sel. P.U. 18.**AKTA BINATANG 1953**

**PERINTAH KAWALAN PENYAKIT *AFRICAN SWINE FEVER*
(NEGERI SELANGOR) 2023**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(2) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Penyakit *African Swine Fever* (Negeri Selangor) 2023**.

(2) Perintah ini hendaklah terpakai bagi seluruh Negeri Selangor dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Binatang 1953 [*Akta 647*];

“binatang” ertinya babi daripada apa-apa umur, jantina, baka dan generasi;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor;

“penyakit” ertinya penyakit *African Swine Fever*;

“Pihak Berkuasa Veterinar” ertinya mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Pengarah Negeri di bawah seksyen 3 Akta; dan

“tuan punya” ertinya termasuk mana-mana orang pada masa itu bertanggungjawab bagi apa-apa binatang dan mana-mana orang pada masa itu mendiami mana-mana bangunan.

Larangan pemindahan atau penyembelihan

3. Tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kebenaran bertulis oleh Pengarah Negeri dan di bawah pengawasan Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar, melaksanakan apa-apa tindakan seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 4(1) dan (2) Perintah Kawasan Kawalan Penyakit *African Swine Fever* (Negeri Selangor) 2023 [*Sel. P.U. 17/2023*].

Kuasa Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar

4. Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar boleh pada bila-bila masa—

(a) mengarahkan supaya tuan punya, sama ada binatang itu dalam satu kelompok atau tidak, yang mana disyaki atau disahkan berpenyakit melalui ujian sampelnya, untuk mengasingkan binatang tersebut dengan serta-merta daripada kelompok dan dikuarantin;

(b) mengarahkan tuan punya, sama ada binatang itu dalam satu kelompok atau tidak, untuk—

(i) mengambil vaksinasi berdasarkan masa, tarikh dan tempat yang ditentukan oleh Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar; dan

(ii) menandakan binatang mengikut cara yang ditentukan oleh Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar;

(c) mengarahkan tuan punya untuk memohon akuan kebenaran pemindahan keluar dan masuk binatang daripada Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar;

- (d) mengarahkan tuan punya untuk mengisi dokumen pengisytiharan binatang serta bertanggungjawab ke atas pengisytiharan tersebut;
- (e) mengarahkan pemilik rumah sembelihan untuk mengisi dokumen pengisytiharan status karkas dan produk binatang yang ditandatangani oleh pegawai pemeriksa daging yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia sahaja;
- (f) mengarahkan tuan punya untuk—
 - (i) mengenakan apa-apa tanda selar, tag, cap material;
 - (ii) melekatkan apa-apa logo atau label; atau
 - (iii) mengecap sama ada secara sementara atau kekal, pada binatang atau karkas tersebut;
- (g) mengarahkan tuan punya untuk mengenakan lak pada kenderaan yang digunakan untuk pemindahan ternakan; atau
- (h) mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu untuk tujuan kawalan penyakit.

Pematuhan Perintah

5. Mana-mana orang tanpa alasan yang munasabah enggan mematuhi atau gagal melaksanakan apa-apa larangan, perintah, arahan ataupun kehendak di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Dibuat 11 April 2023

[JPV.Sel./BR/800/5/11(31); P.U. ADV. PS (S) 05/3/17]

DR HASSUZANA BINTI KHALIL
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri Selangor*

ANIMALS ACT 1953

AFRICAN SWINE FEVER DISEASE CONTROL (STATE OF SELANGOR) ORDER 2023

In exercise of the powers conferred by subsection 36(2) of the Animals Act 1953 [*Act 647*], the State Director of Veterinary Services of Selangor makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **African Swine Fever Disease Control (State of Selangor) Order 2023**.

(2) This Order shall apply throughout the State of Selangor and shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Animals Act 1953 [*Act 647*];

“animal” means pig from any age, sex, breed and generation;

“State Director” means the State Director of Veterinary Services of Selangor;

“disease” means the disease of African Swine Fever;

“Veterinary Authority” means any person appointed in writing by the State Director under section 3 of the Act ; and

“owner” includes any person for the time being in charge of any animal and any person for the time being in occupation of any building.

Prohibition of movement or slaughtering

3. No person shall, except with the written permission of the State Director and under the supervision of the State Director or Veterinary Authority, carry out any action as stated under subparagraph 4(1) and (2) of the African Swine Fever Disease Control Area (State of Selangor) Order 2023 [*Sel. P.U. 17/2023*].

Power of State Director or Veterinary Authority

4. The State Director or Veterinary Authority may at any time—

(a) direct the owner, whether the animal is in herd or not, which is suspected or confirmed to be infected with disease through it's sample test, to isolate such animal immediately from the original herd and to be quarantined;

(b) direct the owner, whether the animal is in herd or not, to—

(i) take vaccination according to the time, date and place determine by the State Director or Veterinary Authority; and

(ii) to mark the animal based on the method determined by the State Director or Veterinary Authority;

(c) direct the owner to apply for a declaration of permission to move in and out of animal from the State Director or Veterinary Authority;

- (d) direct the owner to fill in the document of animal declaration and be responsible for such declaration;
- (e) direct the owner of an abattoir to fill in the document of status of carcasses and animal products declaration signed by the officer of meat inspector appointed by the Department of Veterinary Services Malaysia only;
- (f) direct the owner to—
 - (i) apply any brand, tag, material stamp;
 - (ii) stick any logo or label; or
 - (iii) put a seal whether temporarily or permanent, on the animal or carcass;
- (g) direct the owner to impose seals on vehicles which are used for the transfer of livestock; or
- (h) to impose any other conditions that is deemed necessary for the purpose of controlling the disease.

Obedience of Order

5. Any person without reasonable excuse refuses to comply or fails to carry out any prohibition, order, instruction or requirement under this Order commits an offence.

Made 11 April 2023

[JPV.Sel./BR/800/5/11(31); P.U. SEL. ADV. PSCS(S)05/3/17]

DR HASSUZANA BINTI KHALIL
*State Director of Veterinary Services
of Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW23/0379 19-04-2023